



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN
KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN TAHUN 2017 SIRI 1**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN TAHUN 2017 SIRI 1**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN DAN AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2017 SIRI 1**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN
AKTIVITI/KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2017 SIRI 1**

1. Sepertimana tahun sebelum, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2017 dibentangkan secara bersiri sebanyak 2 kali. LKAN Siri 1 dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018 (Isnin) setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ianya meliputi Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2017 Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2017 Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan

Agensi Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2017 Siri 1, dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 Siri 1.

2. Jabatan Audit Negara juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara setelah pelantikan ahli jawatankuasa disempurnakan.
3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

(a) Pengesahan Terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab mengesahkan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai dan memberi gambaran yang benar tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2017 serta hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(b) Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

Pada tahun 2017, Kerajaan Persekutuan memperoleh hasil berjumlah RM220.41 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM7.99

bilion (3.8%) berbanding tahun 2016 (RM212.42 bilion). Kerajaan telah meluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM216.70 bilion di mana RM217.70 bilion (100.5%) telah dibelanjakan. Bagi perbelanjaan pembangunan, Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan RM44.88 bilion (99.0%) daripada peruntukan berjumlah RM45.32 bilion. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM40.32 bilion. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam negeri serta pinjaman luar negeri berjumlah RM129.25 bilion untuk menampung defisit tersebut dan juga membayar balik hutang.

3.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- (a) Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian terhadap pengurusan kewangan sektor awam berdasarkan Sistem Penarafan berdasarkan kepada Indeks Akauntabiliti (IA). Ia dilaksanakan bertujuan untuk menilai sejauh mana pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Badan Berkanun Persekutuan/ Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan Kerajaan. Aspek yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Kenderaan, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.
- (b) Pada tahun 2017, pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baharu iaitu berasaskan risiko di mana setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko iaitu Risiko Tinggi,

Risiko Rendah dan Risiko Sederhana. Tahap risiko boleh berubah mengikut kekerapan ketidakpatuhan sampel. Analisis risiko dan impak yang dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Selaras dengan pelaksanaan pendekatan baharu ini, pelaporan bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai pengurusan kewangan hanya dibuat berdasarkan prestasi kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelum. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 25 Kementerian dan 18 Jabatan Persekutuan yang diaudit secara tahunan serta 21 Badan Berkanun Persekutuan yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun.

- (c) Secara keseluruhannya, tujuh (7) Kementerian mencapai tahap Cemerlang, 16 Kementerian mencapai tahap Baik dan dua (2) Kementerian mencapai tahap Memuaskan. Selain itu, 13 Jabatan telah mencapai tahap Cemerlang dan lima (5) di tahap Baik. Manakala prestasi pengurusan kewangan di 21 Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang diaudit secara pusingan lima (5) tahun menunjukkan dua (2) BBP berada pada tahap Cemerlang, 12 BBP pada tahap Baik, lima (5) BBP pada tahap Memuaskan dan dua (2) BBP pada tahap Kurang Memuaskan.
- (d) Di peringkat Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 116 Kementerian/Jabatan Negeri, 35 Badan

Bekanun Negeri, 44 Pihak Berkuasa Tempatan dan 5 Majlis Agama Islam Negeri.

- (e) Bagi pengauditan pengurusan kewangan di peringkat negeri, 45 Kementerian/Jabatan mencapai tahap Cemerlang, 47 pada tahap Baik, 17 pada tahap Memuaskan, lima (5) pada tahap kurang memuaskan dan dua (2) pada tahap Tidak Memuaskan. Prestasi pengurusan kewangan di Badan Berkanun Negeri pula menunjukkan 13 mencapai tahap Cemerlang, 11 pada tahap Baik, sembilan (9) pada tahap Memuaskan serta masing-masing satu (1) pada tahap Kurang Memuaskan dan Tidak Memuaskan. Selain itu, pengurusan kewangan di Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan 20 berada pada tahap Cemerlang, 18 pada tahap Baik, tiga (3) pada tahap Memuaskan, dua (2) pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) pada tahap Tidak Memuaskan. Pengurusan kewangan di Majlis Agama Islam Negeri (MAI) pula menunjukkan satu (1) pada tahap Cemerlang, tiga (3) pada tahap Baik dan satu (1) pada tahap Memuaskan.

3.3. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Persekutuan dan Negeri

- (a) Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- (b) Pengauditan prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian

pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 ini, sebanyak 39 pengauditan prestasi dilaporkan di mana 11 laporan melibatkan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun/Agensi Persekutuan manakala 28 laporan pula melibatkan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun/Agensi Negeri. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan dan pengurusan hasil. Pengauditan pengurusan syarikat pula melibatkan 19 syarikat Kerajaan iaitu lima (5) di peringkat Persekutuan dan 14 di peringkat Negeri.

4. Sebagaimana lazim, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 14 syor terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan, 46 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan, 21 syor terhadap Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan serta 162 syor terhadap pengurusan aktiviti/kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. Kandungan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2017 Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2017 Siri 1, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2017 Siri 1, dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2017 Siri 1 berserta sinopsisnya boleh dilayari di Laman Web Jabatan Audit Negara di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 6 Ogos 2018 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut boleh dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Taklimat, Aras 2, Bangunan Utama, Parlimen.

Ketua Audit Negara
Malaysia

6 Ogos 2018